

Enggan menghadiri sidang Apec

BM 2 1 NOV 1993

MAHATHIR TIDAK

KESAL

Oleh Lichong Angkui dan Isa Nikmat

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak menyekali keputusannya untuk tidak menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, yang berakhir semalam.

Menurut Perdana Menteri, beliau menyedari hakikat bahawa ia tidak membawa sebarang perubahan sekalipun menghadiri persidangan itu.

"Saya tidak menyesal sedikitpun. Saya gembira seperti yang anda lihat di sini," katanya menjawab soalan wartawan akhbar New York Times selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB), di sini semalam.

Dr Mahathir mengulangi pendiriannya tidak mahu kerjasama berkenaan dijadikan sebagai institusi, rakan perdagangan Kesatuan Eropah (EC) dan kawasan perdagangan bebas.

Beliau berkata, itu bukanlah matlamat Apec sebenarnya dan Malaysia berpendapat usaha yang dibuat sekarang bertenta-

ngan dengan tujuan ia mula-mula diasaskan dulu.

"Saya berpendapat hubungan di antara Apec dan EC sudah ditentukan. Oleh itu, tidak timbul sebarang salah faham," katanya.

Sehubungan dengan itu, katanya, selepas berakhirnya persidangan Apec di Seattle, Malaysia akan terus berusaha memberi penjelasan berhubung fungsi sebenar Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Beliau mengakui memang sukar bagi Malaysia meyakinkan negara yang tidak menyetujui usaha penubuhan rundingan itu.

"Bagi saya, hasil sidang Apec itu tidak memberi sebarang kesan terhadap EAEC yang berupa satu projek lain. Kita akan teruskan dengan usaha merealisasikan sehingga mencapai matlamat," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan melaksanakan tugas memberi penjelasan mengenai

● LIHAT MUKA 2

Dr M kesal sikap Australia

BM 2 1 NOV 1993

DARI MUKA 1

fungsi EAEC walaupun ia mungkin mengambil masa lama. Usaha itu juga meliputi kalangan negara di rantau Asean sendiri.

Dr Mahathir kesal dengan sikap Australia yang jantang mengkritik semata-mata kerana beliau tidak menghadiri sidang di Seattle serta membuat pelbagai tuduhan.

"Saya tidak faham sikap mereka (Australia). Mereka cuba mengajar kita supaya berdisiplin sedangkan mereka sendiri tidak berdisiplin," katanya.

Apec yang kini disertai 17 negara selepas menerima Mexico dan Papua New Guinea menjadi anggota pada sidang terbarunya, ditubuhkan sebagai forum perundingan yang longgar.

Forum itu juga asalnya

berorientasikan program dan projek. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ketika di Seattle, Khamis lalu berkata, Malaysia bersikap berhati-hati terhadap langkah yang mengubah secara radikal bentuk asal Apec.

Pada sidang itu, laporan Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka (EPG) mencadangkan supaya Apec mencorakkan sifatnya ke arah kawasan perdagangan bebas di rantau itu.

Sehubungan dengan itu, Apec yang akan datang juga dijangka mengkaji semula cadangan menjadikan forum itu sebagai kesatuan ekonomi pada 1996, tetapi tarikh perlaksanaannya tidak ditentukan.